

MAJLIS PERASMIAN NAIK TARAF UNIT SULH JKSNS DAN MAJLIS MENANDATANGANI MOU ANTARA JKSNS DENGAN UIAM DAN USIM

13 Mac 2020 - Majlis Perasmian Naik Taraf Unit Sulh JKSNS Dan Majlis Menandatangani MoU Antara JKSNS Dengan UIAM Dan USIM telah berlangsung dengan jayanya bermula jam 10.30am sehingga jam 12.30 tengah hari di Perkarangan Kompleks Kehakiman Syariah Negeri Sembilan, Bandar Sri Sendayan.

Majlis Perasmian Unit Sulh telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan. Majlis turut diserikan dengan kehadiran dif-dif kehormat yang terdiri daripada YAA Dato' Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar selaku Ketua Pengarah merangkap Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri, Ketua-ketua Jabatan di peringkat negeri dan persekutuan serta pelajar dari UIAM dan USIM.

Untuk makluman, program ini dijadikan sebagai batu loncatan kepada Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan (JKSNS) untuk memperkenalkan Unit Sulh JKSNS kepada masyarakat secara lebih terbuka dan mesra rakyat. Selain itu, ianya memberikan peluang kepada pihak Kerajaan Negeri melihat pencapaian Unit Sulh JKSNS.

Selain itu, Majlis menandatangani MOU antara JKSNS dengan Universiti Islam Antarbangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) akan dapat memberikan peluang kepada JKSNS bekerjasama dengan UIAM dan USIM yang mempunyai kepakaran yang tertentu. Kepakaran yang ada pada dua buah universiti ini akan dapat dikongsi bersama dan manfaatnya boleh dikecapi oleh orang ramai terutamanya rakyat di Negeri Sembilan.

GALERI





